

04 SEP 1996

ASW 2020 TERIMA PELABURAN LEBIH RM180 JUTA

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) yang masuk hari ketiga urusan hari ini menerima pelaburan orang ramai sebanyak RM60,837,497 menjadikan jumlah pelaburan keseluruhan setakat ini kepada RM188,346,776.

Menurut kenyataan Permodalan Nasional Bhd (PNB), sehingga pukul 5.15 petang ini sebanyak 17,631 pelabur bukan Bumiputera dan 9,975 pelabur Bumiputera membeli unit-unit saham bernilai RM1 setiap satu itu.

Nilai saham yang dibeli pelabur Bumiputera ialah RM7,380,381 manakala bukan Bumiputera sebanyak RM53,457,116.

ASW 2020 yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas memberi peluang kepada rakyat berusia 12 tahun hingga 29 tahun melabur untuk menikmati hasil perkembangan ekonomi negara. --  
BERNAMA

RAZ NMO